

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HGG 453 - Pengurusan Sumber

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. (a) Merujuk kepada sumber-sumber pelancongan di Malaysia huraikan pertalian di antara konsep keupayaan menampung biologi dengan konsep kebolehekalan (sustainability).
(15 markah)
- (b) Sejauhmana pentingnya kedua-dua konsep tersebut dalam pengurusan sumber asli.
(10 markah)
2. Bincangkan sejauhmana pengurusan sumber asli di Malaysia dilihat sebagai satu evolusi yang bermula dari konsep memaksimumkan keuntungan kewangan kepada konsep pembangunan berterusan.
(25 markah)
3. (a) Apakah fokus utama Kajian Impak Sosial (SIA) dan pada tahap manakah kajian SIA boleh dijalankan?
(5 markah)
- (b) Huraikan impak sosial yang mungkin berlaku ke atas masyarakat setempat akibat pembangunan Lapangan Terbang Antara Bangsa Kuala Lumpur (Sepang), dan cadangkan cara-cara mengatasi masalah sosial itu.
(20 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. (a) Huraikan kegunaan asas sistem maklumat geografi dalam pengurusan sumber. (10 markah)
- (b) Bincangkan halangan-halangan utama dalam usaha mengaplikasikan sistem maklumat ini di Malaysia. (15 markah)
5. (a) Huraikan tiga [3] teknik analisis kesesuaian tanah yang lazim digunakan dalam pengurusan sumber. (9 markah)
- (b) Bincangkan kelebihan dan kelemahan teknik-teknik tersebut dalam konteks pengurusan sumber. (16 markah)
6. Di antara objektif utama Penilaian Impak Persekitaran (EIA) ialah untuk meminimumkan kesan pembangunan kepada alam sekitar. Bincangkan sejauhmana penilaian impak persekitaran di Malaysia menepati objektif ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)

-ooo000ooo-